

**Najib: Kemenangan besar BN sangat signifikan**  
**Malaysiakini.com**  
**March 7, 2011**

Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan kemenangan besar Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Merlimau dan Kerbau adalah sangat signifikan.

Perdana menteri yang juga pengerusi BN dalam mengucapkan terima kasih kepada para pengundi kerana menyokong BN, berkata kerajaan BN yang melakukan yang terbaik untuk mereka.

"Saya bersyukur, Allah S.W.T telah memberi dua kemenangan besar kepada BN. Terima kasih kepada semua pengundi di Merlimau dan Kerbau," katanya dalam mesej Tweeter malam tadi.

BN mengekalkan kerusi DUN Merlimau apabila calonnya Roslan Ahmad menewaskan calon PAS Yuhaizad Abdullah dengan majoriti 3,643 undi. Roslan memperoleh 5,962 undi berbanding Yuhaizad, 2,319 undi.

Di Kerbau, calon BN Syed Ibrahim Syed Ahmad menewaskan calon PAS Hasanuddin Salim dengan majoriti 2,724 undi. Syed Ibrahim memperoleh 5,060 undi sementara Hasanuddin 2,336 undi.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/157919>